

# HASIL LEBIH BANYAK

Pembenihan ikan keli dengan kaedah pembiakan hormon juga kurangkan kos penternak



SAIZ anak ikan keli sekurang-kurangnya lima inci lebih sesuai untuk penternak baharu.

pastikan kedua-dua induk jantan dan betina yang ditangkap bukan dari kolam atau sumber sungai sama.

"Saya akan guna induk jantan import dan betinanya daripada benih sungai tempatan.

Ini meningkatkan 'kemenjadian' termasuk anak benih lebih tahan lasak dan kurang kadar kematian," katanya.

Mazli juga memilih baka yang benar-benar dalam keadaan sihat dan saiz satu kilogram ke atas untuk hasil lebih baik.

"Satu lagi petua untuk kaedah hormon ini, saya akan letakkan dahulu induk jantan dan betina yang ingin digunakan dalam pembenihan ini dalam satu kolam.

"Sekurang-kurangnya 24 jam sebelum teknik ini digunakan untuk wujudkan 'chemistry' walaupun dalam teknik ini pesenyawaan dilakukan di luar.

"Gunakan induk yang betul-betul matang sebaik-baiknya yang sudah diternak lebih 18 bulan.

"Saya biasanya guna induk keli berat lebih satu kilogram untuk hasil lebih baik. Lagi berat induk keli digunakan, lagi baik hasilnya," katanya.

Dia juga akan memastikan kedua-dua



MAZLI bersama peserta kursus penternakan keli.

induk tidak mengalami kecacatan seperti alat sulit jantan membengkok, kecederaan pada badan keli atau misai dan sebagainya kerana ia dapat menjadikan proses pembenihan ini mengalami kegagalan.

Pastikan air dalam kolam penetasan sudah disediakan lebih awal seelok-elokya sudah tersedia lebih 24 jam dan diletak jaring penetasan.

Bagi penternak baru berjinak dalam

penternakan ikan itu, Mazli biasanya menyarankan saiz ikan keli sekurang-kurangnya lima inci (12.7 sentimeter) bagi mengurangkan risiko kematian ikan ketika dibela.

"Saya antara penternak yang memfokuskan pengeluaran benih untuk penternak baharu.

"Penting kerana penternak baharu bermaksud pengusaha bekalan ikan untuk pengguna.

"Saya biasanya bekalkan anak benih ikan keli bersaiz lima inci kepada penternak baru untuk kurangkan kadar kematian ikan keli dan mengurangkan risiko kerugian penternak baharu," katanya.

Dia turut berkongsi urutan dalam proses pembiakan hormon atau teknik pembenihan secara aruhan:

1. Menyuntik induk betina dengan hormon perangsang (hormon ovaprim) sebanyak 0.05 millimeter. Sekurang-kurangnya 12 jam sebelum proses pembenihan.

2. Mengeluarkan kantung sperma dari induk jantan. (jantan dibunuh dalam proses ini)

3. Mengeluarkan telur betina dalam bekas khas. Biasanya untuk mengeluarkan telur, perut induk betina ditekan.

4. Campurkan sperma jantan dengan telur betina. Gaul kedua-duanya selama 30 hingga 60 saat.

5. Kemudian boleh tebarkan benih pada dulang penetasan.

6. Selepas 24 jam selepas induk dijangka dapat mengeluarkan 60,000 hingga 80,000 anak benih ikan keli.

## AGRO

Oleh Nurul Husna Mahmud  
nurul\_husna@hmetro.com.my

**Pembenihan** ikan keli menerusi pembiakan hormon antara kaedah diguna pakai pihak industri atau pengusaha secara komersial.

Kaedah itu dikatakan dapat mengeluarkan hasil lebih banyak selain mengelak kemungkinan anak benih ikan keli dimakan induk.

Menurut pengusaha ternakan ikan keli yang juga pengasas Aquastays, Mazli Mashudi, penggunaan hormon sudah meluas digunakan pengusaha ikan air tawar itu.

"Pembenihan anak ikan keli menerusi kaedah dipanggil aruhan atau secara paksaan ialah kaedah yang dapat membanyakkan benih ikan keli.

"Memang ada teknikal atau langkah penting perlu dipelajari pengusaha ikan keli, tetapi ia mudah.

"Dengan kaedah yang betul, proses ini akan dapat memberikan kejayaan kepada penternak apabila berupaya meningkatkan hasil pengeluaran anak



MAZLI antara penternak berpengalaman dalam ternakan keli.

benih ikan keli secara tidak langsung dapat mengurangkan kos penternak ikan itu," katanya.

Kata Mazli, proses pembenihan ikan keli aruhan atau secara hormon ini ada syarat atau langkah penting perlu dipatuhi bagi meningkatkan kejayaan

dalam pengeluaran benih anak keli yang baik.

"Setiap penternak atau pengusaha ternakan ikan keli ada cara tersendiri untuk memastikan teknik kaedah hormon berjaya.

"Dalam teknik pembenihan aruhan di kolam ternakan saya, terlebih dahulu saya akan



SUNTIK hormon antara kaedah untuk dapat benih lebih banyak.